

Kuala Lumpur

## Beri keyakinan kepada pelabur

Pengumuman kerajaan mengenai cadangan kadar Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang akan diperkenalkan semula pada 1 September depan mampu mengembalikan keyakinan pelabur terhadap dasar dan polisi kerajaan khususnya berkaitan pendapatan negara.

Kerajaan mencadangkan kadar 10 peratus cukai barang dan enam peratus cukai perkhidmatan yang mana pengenalan semula SST itu juga dijangka menyumbang sebanyak RM4 bilion kepada hasil kerajaan.

Penganalisis Ekonomi dan Pensyarah Kanan Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, langkah terbabit sekali gus berupaya mengurangkan ketidaktentuan yang berlegar dalam pasaran ekuiti tempatan seperti yang berlaku sejak pengumuman penghapusan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada Mei lalu.



**DR Ahmed Razman**

Katanya, dalam tempoh lebih dua bulan pimpinan kerajaan Pakatan Harapan itu, pasaran ekuiti banyak menyaksikan dana dibawa keluar oleh pelabur dan dengan pengumuman Menteri Kewangan, Lim Guan Eng mengenai kadar cukai itu ia mampu menjadi puncetus kepada pasaran yang positif.

“Pelabur menjadi lebih yakin kerana berdasarkan cadangan kadar cukai SST itu, ia membuktikan kerajaan komited dalam mencari penyelesaian terhadap pendapatan negara selepas menetapkan GST pada kadar sifar mulai Jun lalu,” katanya.